



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

---

# **KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**7 MAC 2023 (SELASA)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

# **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

**7 MAC 2023 (SELASA)**

## 30 pasar raya besar sertai inisiatif Payung Rahmah

Inisiatif Payung Rahmah membantu rakyat berbelanja pada harga lebih murah di pasar raya terlibat.  
- Gambar hiasan



**PUTRAJAYA** - Kira-kira 30 pasar raya besar di negara ini telah menyertai inisiatif Payung Rahmah sejak dilancarkan pada Januari lepas, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Menerusi inisiatif Payung Rahmah, golongan B40 dapat berjimat sehingga RM24 apabila membeli 12 jenis barangan asas di pasar raya yang menyertai inisiatif itu.

"Penyertaan menggalak-

kan ini akan membantu kerajaan dalam menangani masalah beban kos sara hidup golongan B40 dan miskin tegar," katanya kepada media selepas melancarkan program Rahmah Raya AEON Co (M) Bhd di sini pada Isnin.

Inisiatif Payung Rahmah yang dilaksanakan bagi menepahi kos sara hidup turut merangkumi Menu Rahmah, Program Jualan Rahmah dan Pakej Rahmah.

Mengenai inisiatif Menu Rahmah yang diperkenalkan

sejak bulan lepas, Salahuddin melahirkan penghargaan kepada pengusaha gerai dan restoran yang mengekalkan kualiti hidangan makanan walaupun dijual pada harga RM5 dan ke bawah.

"Saya tidak pernah terima laporan berkaitan isu kualiti makanan Menu Rahmah. Alhamdulillah, saya ucap terima kasih kepada semua pengusaha (gerai dan restoran) kerana mereka tidak kompromi soal kualiti," katanya. - *Bernama*



NUR Intan Nabila Shamsuddin sedang menyediakan pesanan pelanggan di kedainya di Medan Samudera, Banda Hilir, Melaka. - UTUSAN/  
MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI

## Menu Rahmah jejas peniaga kecil?

Oleh MUHAMMAD  
SHAHIZAM TAZALI  
[utusannews@mediamula.com.my](mailto:utusannews@mediamula.com.my)

**MELAKA:** Pengusaha kedai makan bermodal kecil menyuarakan kebimbangan terhadap pengenalan Menu Rahmah selepas inisiatif kerajaan itu didakwa menjejaskan pendapatan mereka.

Ketika ditemui *Utusan Malaysia*, seorang peniaga, Mohd. Faizal berkata, secara dasarnya inisiatif kerajaan itu dilihat baik kerana membela nasib rakyat yang dibelenggu dengan kenaikan harga barang setiap hari.

Bagaimanapun katanya, usaha itu juga harus dinilai daripada sisi berbeza terutama peniaga kecil kini terpaksa bersaing dengan pasar raya dan restoran terkenal yang mempunyai modal dan pulangan lebih besar.

"Usaha kerajaan memperkenalkan Menu Rahmah tepat pada masanya untuk membantu rakyat. Tetapi daripada satu sudut, tindakan ini menjejaskan pendapatan peniaga kecil seperti kami kerana terpaksa bersaing dengan pasar raya dan restoran terkenal yang menawarkan Menu Rahmah.

"Mereka mampu melaksanakan inisiatif ini kerana mempunyai keupayaan daripada segi kewangan dan kawalan kos bahan mentah yang lebih baik. Bagi peniaga kecil, kami tidak mempunyai keupayaan kerana modal yang terhad.

"Saya menyokong apabila Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memantau peniaga yang tidak berdaftar menawarkan Menu Rahmah. Setidaknya tindakan itu dapat mengelakkan peniaga mengambil kesempatan melarikan jualan," katanya di sini.

Sebelum ini, akhbar melaporkan, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub memaklumkan lebih 700 gerai dan restoran di seluruh negara sudah menawarkan Menu Rahmah dengan jangkakan jumlah peniaga bakal menyertai inisiatif berkenaan meningkat dua kali ganda pada bulan ini.

Sementara itu, seorang lagi peniaga, Nur Intan Nabila Shamsuddin, 26, berkata, kerajaan sewajarnya mengawal kenaikan harga barang agar peniaga kecil dapat turut sama menawarkan Menu Rahmah.

Menurutnya, kenaikan harga barang seperti ayam, ikan, telur, minyak masak dan sayur menekan peniaga kecil sehingga menyukarkan untuk turut sama menawarkan inisiatif tersebut.

"Para peniaga di medan selera terpaksa sepakat agar tidak ada yang menawarkan Menu Rahmah bagi berlaku adil kepada semua. Buat masa ini perniagaan tidak terjejas, tetapi kami bimbang tidak dapat bertahan sekiranya semakin ramai yang menyertainya," ujarnya.



# Elak buat kandungan negatif untuk raih perhatian netizen

Kandungan murahan sudah menjadi budaya masyarakat sehingga mengundang kecaman orang ramai

Oleh **NUR IFTITAH ROZLAN**  
**SHAH ALAM**

Ahli perniagaan terkenal, Mawar Abdul Karim menyifatkan, kandungan 'murahan' untuk memasarkan produk bukan sahaja tidak bermanfaat tetapi hanya akan membodohkan diri sendiri.

Menurutnya, seolah-olah sudah menjadi budaya, hantaran video atau gambar yang berunsur negatif akan lebih cepat 'naik' dan mendapat perhatian netizen.

Bagaimanapun, anak kepada peng-



*"Ia bergantung kepada konten, yang mana bagus itu baguslah, tetapi kadang-kadang kita tengok ada konten yang membodohkan diri sendiri sampai orang mencaci kita, itu tidak bagus."*

- Mawar Abdul Karim

asas tudung jenama Fareeda itu menegaskan, usahawan khususnya yang baru berjinak-jinak dalam dunia perniagaan tidak seharusnya memuat naik kandungan

negatif di laman sosial sehingga mengundang kecaman orang ramai.

"Ia bergantung kepada konten, yang mana bagus itu baguslah, tetapi kadang-kadang kita tengok ada konten yang membodohkan diri sendiri sampai orang mencaci kita. Itu tidak bagus.

"Memang masyarakat Melayu suka negatif, yang positif agak kurang, tetapi jangan sampai orang mentertawakan kita menerusi konten tersebut.

"Lagipun, kita tengok sekarang masyarakat semakin kreatif, macam-macam jenis video yang ada. Dulu tidak ada sebegitu, tetapi ini mungkin berlaku disebabkan peredaran zaman," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi tetamu jempunan dalam program Mak Untuk Malaysia (MUM) bertajuk 'Mawar Karim Tidak Mudah Putus Asa' anjuran

Sinar Harian.

Program yang dihoskan oleh Hazlin Hussain itu disiarkan di semua platform digital Sinar Harian pada Isnin.

Sementara itu, seiring aspirasi kerajaan memperkenalkan Menu Rahmah bertujuan mengurangkan beban kos sara hidup rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah, Mawar turut mengambil pendekatan untuk tampil dengan koleksi tudung Rahmah.

Ujar anak kelahiran Pulau Pinang itu, syarikatnya akan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi menghasilkan tudung Rahmah khusus untuk sambutan Hari Raya Aidilfitri akan datang.

"Istimewanya, kita berkolaborasi dengan KPDN untuk menawarkan harga (tudung) yang mampu milik. Nanti kita akan buat pakej, untuk persediaan hari raya tidak lama lagi," jelasnya.

Mengulas mengenai isu rasuah, beliau tidak menolak kemungkinan banyak berlaku korupsi dalam kalangan-peniaga di Malaysia.

Mawar menegaskan, beliau enggan terjebak dengan sebarang prosedur yang dilihat mempunyai unsur rasuah agar dapat memperoleh keberkatan dalam perniagaannya.

"Di Malaysia, kita tengok banyak korupsi. Saya mengambil pendekatan untuk elak (melakukan) perkara (rasuah).

"Ia menandatangani keburukan bukan sahaja untuk diri sendiri, malah kepada agama, bangsa dan negara.

"Perbuatan ini juga ditegah dalam agama. Kita nak bagi makan anak-anak kita, jadi yang penting keberkatan yang nak dicari," jelasnya.

FOTO: MOHD HALIM ABDUL WAHID



Mawar (kanan) bersama Hazlin Hussain sebagai pengacara yang berlangsung di Kompleks Kumpulan Karangkraf pada Isnin.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

---

# **MEDIA ONLINE (KPDN)**

---

---

**7 MAC 2023 (SELASA)**

**BERITA ONLINE BERTARIKH 7 MAC 2023**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
7-Mar	Empat agensi serbu Petaling Street	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/942685/empat-agensi-serbu-petaling-street">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/942685/empat-agensi-serbu-petaling-street</a>	HM
7-Mar	44 peniaga warga asing ditahan di Petaling Street	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/03/06/44-peniaga-warga-asing-ditahan-di-petaling-street/">https://www.kosmo.com.my/2023/03/06/44-peniaga-warga-asing-ditahan-di-petaling-street/</a>	KOSMO
7-Mar	7 premis dikendali warga asing diserbu, 44 PATI ditahan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/03/1073085/7-premis-dikendali-warga-asing-diserbu-44-pati-ditahan">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/03/1073085/7-premis-dikendali-warga-asing-diserbu-44-pati-ditahan</a>	BH
7-Mar	KPDN, AEON lancar Inisiatif Rahmah Raya	<a href="https://youtu.be/awSt_vMeg9cll">https://youtu.be/awSt_vMeg9cll</a>	MALAKATTRIBUNE
7-Mar	BERITA BAIK RAHMAH RAYA UNTUK HARI RAYA YANG AKAN DATANG! TERBAIK YB MENTERI.	<a href="https://youtu.be/MddVJsAjABA">https://youtu.be/MddVJsAjABA</a>	ORITNOPO CHANNEL
7-Mar	Gedung Tekstil Bakal Sertai Program Inisiatif Rahmah	<a href="https://sumberkini.my/gedung-tekstil-bakal-sertai-program-inisiatif-rahmah-video/">https://sumberkini.my/gedung-tekstil-bakal-sertai-program-inisiatif-rahmah-video/</a>	SUMBERKINI
7-Mar	Salahuddin: Textile industry players to join Payung Rahmah initiative for upcoming festivities	<a href="https://youtu.be/rxmlb1ntpHl">https://youtu.be/rxmlb1ntpHl</a>	THESTAR
7-Mar	AEON launches Rahmah Raya programme under Payung Rahmah initiative	<a href="https://youtu.be/-ct1Z2QnEXo">https://youtu.be/-ct1Z2QnEXo</a>	THESTAR
7-Mar	Jualan Baju Raya Rahmah diperkenal	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/jualan-baju-raya-rahmah-diperkenal/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/jualan-baju-raya-rahmah-diperkenal/</a>	UM
7-Mar	30 PASAR RAYA BESAR SERTAI INISIATIF PAYUNG RAHMAH	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2170533">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2170533</a>	BERNAMA

7-Mar	30 HYPERMARKETS JOIN PAYUNG RAHMAH INITIATIVE	<a href="https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2170582">https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2170582</a>	BERNAMA
7-Mar	Gergasi tekstil tawar baju Raya Rahmah untuk B40 – KPDN	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/03/06/gergasi-tekstil-tawar-baju-raya-rahmah-untuk-b40-kpdn/">https://www.kosmo.com.my/2023/03/06/gergasi-tekstil-tawar-baju-raya-rahmah-untuk-b40-kpdn/</a>	KOSMO
7-Mar	30 hypermarkets taking part in Payung Rahmah drive to help B40 group	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/03/06/30-hypermarkets-taking-part-in-payung-rahmah-drive-to-help-b40-group/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/03/06/30-hypermarkets-taking-part-in-payung-rahmah-drive-to-help-b40-group/</a>	FMT
7-Mar	30 pasar raya besar sertai inisiatif Payung Rahmah	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/942858/30-pasar-raya-besar-sertai-inisiatif-payung-rahmah">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/942858/30-pasar-raya-besar-sertai-inisiatif-payung-rahmah</a>	HM
7-Mar	30 pasar raya besar sertai inisiatif Payung Rahmah	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/30-pasar-raya-besar-sertai-inisiatif-payung-rahmah/">https://www.buletintv3.my/nasional/30-pasar-raya-besar-sertai-inisiatif-payung-rahmah/</a>	BULETINTV3
7-Mar	Usahawan jangan suka buat 'content' membodohkan diri sendiri	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/248379">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/248379</a>	SH
7-Mar	Jualan Raya Rahmah saksi penyertaan industri bukan makanan	<a href="https://www.buletintv3.my/detik-niaga/jualan-raya-rahmah-saksi-penyertaan-industri-bukan-makanan/">https://www.buletintv3.my/detik-niaga/jualan-raya-rahmah-saksi-penyertaan-industri-bukan-makanan/</a>	BULETINTV3
7-Mar	Payung Rahmah, 30 pasar raya besar sertai inisiatif	<a href="https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/58749-payung-rahmah-30-pasar-raya-besar-sertai-inisiatif">https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/58749-payung-rahmah-30-pasar-raya-besar-sertai-inisiatif</a>	BERITARTM
7-Mar	30 hypermarkets join Payung Rahmah initiative	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/191508">https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/191508</a>	SINARDAILY
7-Mar	Jualan Baju Raya Rahmah diperkenal	<a href="https://wartaoriental.com/2023/03/07/jualan-baju-raya-rahmah-diperkenal/">https://wartaoriental.com/2023/03/07/jualan-baju-raya-rahmah-diperkenal/</a>	WARTAORIENTAL



7-Mar	AEON launches Rahmah Raya programme under Payung Rahmah initiative	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/06/aeon-launches-rahmah-raya-programme-under-payung-rahmah-initiative">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/06/aeon-launches-rahmah-raya-programme-under-payung-rahmah-initiative</a>	THESTAR
7-Mar	30 hypermarkets join Payung Rahmah initiative	<a href="https://selangorjournal.my/2023/03/30-hypermarkets-join-payung-rahmah-initiative/">https://selangorjournal.my/2023/03/30-hypermarkets-join-payung-rahmah-initiative/</a>	SELANGORJOURNAL
7-Mar	30 pasar raya besar sertai inisiatif Payung Rahmah	<a href="https://www.edisi9.com.my/2023/03/30-pasar-raya-besar-sertai-inisiatif-payung-rahmah/">https://www.edisi9.com.my/2023/03/30-pasar-raya-besar-sertai-inisiatif-payung-rahmah/</a>	EDISI9
7-Mar	Jakel bakal tawar harga Rahmah	<a href="https://www.google.com/amp/s/malaysiaipost.com.my/2023/03/06/jakel-bakal-tawar-harga-rahmah/">https://www.google.com/amp/s/malaysiaipost.com.my/2023/03/06/jakel-bakal-tawar-harga-rahmah/</a>	MALAYSIAPOST
7-Mar	KPDN terharu pemain industri bantu kerajaan tangani banjir – Salahuddin	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/03/06/kpdn-terharu-pemain-industri-bantu-kerajaan-tangani-banjir-salahuddin/">https://malaysiagazette.com/2023/03/06/kpdn-terharu-pemain-industri-bantu-kerajaan-tangani-banjir-salahuddin/</a>	MALYSIAGAZETTE
7-Mar	Bekalan barang kawalan cukup menjelang Ramadan – Salahuddin	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/03/06/bekalan-barang-kawalan-cukup-menjelang-ramadan-salahuddin/">https://malaysiagazette.com/2023/03/06/bekalan-barang-kawalan-cukup-menjelang-ramadan-salahuddin/</a>	MALYSIAGAZETTE
7-Mar	KPDN bongkar taktik kuari dalangi penyelewengan diesel subsidi	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/03/1073331/kpdn-bongkar-taktik-kuari-dalangi-penyelewengan-diesel-subsidi">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/03/1073331/kpdn-bongkar-taktik-kuari-dalangi-penyelewengan-diesel-subsidi</a>	BH
7-Mar	44 peniaga warga asing ditahan di Jalan Petaling	<a href="https://www.edisi9.com.my/2023/03/44-peniaga-warga-asing-ditahan-di-jalan-petaling/">https://www.edisi9.com.my/2023/03/44-peniaga-warga-asing-ditahan-di-jalan-petaling/</a>	EDISI9